

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERSONEL MYSTEP
KOLEJ PERMATA@PINTAR NEGARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di Kolej PERMATA@Pintar Negara, UKM Kampus Seremban bagi jawatan Personel MySTEP seperti maklumat dan keperluan berikut:

1. Maklumat Jawatan:

JAWATAN	: PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI DH9
TARAF JAWATAN	: PERSONEL MySTEP
TEMPOH LANTIKAN	: 4 BULAN
GAJI	: RM2,100.00/ SEBULAN
TARIKH IKLAN	: 25 OGOS 2025
TARIKH TUTUP	: 30 OGOS 2025

2. Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berikut:

- a. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- b. Menyediakan hal-hal berkaitan rekod persediaan pengajaran dan rekod pelajar.
- c. Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti Kokurikulum dan aktiviti pusat serta lain-lain tugas dan aktiviti yang diarahkan dari semasa ke semasa.

3. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh tutup iklan.
- c. Kelayakan akademik:
 - i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknousahawanan/Keusahawanan/Pengurusan Perniagaan/Pemasaran yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii) Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Teknousahawanan/Keusahawanan/Pengurusan Perniagaan/Pemasaran yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- iii) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan.

4. Keutamaan Diberikan Kepada Calon Berikut:

- a. Berpengalaman mengajar Teknousahawanan/Keusahawanan/Pengurusan Perniagaan/Pemasaran SPM, STPM atau Pra-U.
- b. Calon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Teknousahawanan/Keusahawanan/Pengurusan Perniagaan/Pemasaran serta bersikap terbuka dan positif.
- c. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta berupaya menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh ketua dari semasa ke semasa.
- d. Bersedia menerima arahan kerja lebih masa sekiranya diperlukan.

5. Cara memohon:

- a. Calon boleh membuat permohonan dengan **memuat naik Resume/CV yang lengkap serta transkrip akademik yang disahkan** melalui pautan berikut: <https://forms.gle/eEGWH2Tez1SGchPZ6>
- b. Calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.
- c. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.